


2021-2025
SABAH MAJU JAYA



Sabah Maju Jaya yang merupakan slogan Jata Negeri sejak sekian lama telah diangkat sebagai nama pelan pembangunan 2021-2025, untuk membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama dan kebertanggungjawaban setiap anak Sabah untuk menjayakan agenda pembangunan negeri. Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara terancang dan strategik, untuk mencapai sasaran dan matlamat yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri.

YAB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI HAJI NOOR
KETUA MENTERI SABAH

SABAH MAJU JAYA



2021-2025
SABAH MAJU JAYA



Kerja Berpasukan (*Team Work*), Kebolehpercayaan (*Trustworthiness*), Kebertanggungjawaban (*Responsibility*), Komitmen (*Commitment*), Moral (*Morale*) dan Ketabahan (*Perseverance*) adalah kunci utama sebagai penjawat awam mengurus perubahan yang sedang berlaku di sekeliling kita. Marilah kita bersama-sama melakukan perubahan yang lebih baik kepada prestasi penyampaian perkhidmatan berlandaskan kepada 5As iaitu *Accessible by Anyone at Any time, Any Where by Any Mobile Device.*

YB DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P.
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

SABAH MAJU JAYA



2021-2025
SABAH MAJU JAYA



Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya dirangka untuk membangunkan negeri kita ke arah yang lebih maju dan makmur. Untuk menjayakan agenda ini, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri memainkan peranan yang penting dalam menetapkan hala tuju bersama-sama dengan kementerian, menyediakan sumber manusia dan sekaligus memantapkan sistem-sistem penyampaian supaya lebih cekap dan berkesan. Amanah dan tanggungjawab ini memerlukan komitmen semua pihak dan saya yakin kita boleh terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.


DATUK (DATU) ROSMADI BIN DATU SULAI
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

SABAH MAJU JAYA



Tuan/ Puan,

Anda adalah dipelawa untuk mengimbas **QR CODE** seperti yang tertera di bawah bagi memberi cadangan/ input serta idea berkenaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan 2021-2025)



Sekian dan Terima Kasih

Urusetia Sabah Maju Jaya
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
emel: sabahmajujaya@sabah.gov.my